

BERITA UTAMA

3

**KEPUTUSAN DAN PENYAMPAIAN
HADIAH MUSABAQAH MEMBACA
AL-QUR'AN BAHAGIAN DEWASA
PERINGKAT SEPARUH AKHIR
KEBANGSAAN TAHUN 1446H/2025M**

4



**Hari Apresiasi KHEU Sempena
Hari Perkhidmatan Awam Tahun
2024**

11

INFO PENGISLAMAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
NOV
27
Orang



**Pelancaran eZakat Harta
Wang Simpanan**

5

**Kuiz Hijrah Muallaf 1446H
Bersempena Jubli Delima
Pusat Da'wah Islamiah
1406H-1446H**

6

**Mesyuarat Pegawai-Pegawai
Kanan (SOM) Kali Ke-48
Bagi MABIMS Tahun
1446H/2024M**

7

Program Bicara Muallaf

8

**Konvokesyen Ikon Muallaf
1446H/2024M**

9

NOVEMBER

Rabiulakhir/ **2024M**
Jamadilawal 1446H Bil 11 • Tahun 36

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA MEMOHON KEAMPUNAN

رَبِّ اَعْزِلْنِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ...

Mafhumnya:

"Ya Tuhanku! Ampunilah aku dan ibu bapaku serta sesiapa yang masuk ke rumahku (dan masjidku) dalam keadaan beriman, dan (ampunilah) sekalian orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan..."

Surah Nuuh ayat 28

Lidah
Pengarang

WARGA SIHAT
NEGARA
SEJAHTERA

Islam amat menitikberatkan amalan gaya hidup sihat dalam kehidupan kerana sesungguhnya antara ni'mat terbesar yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah kesihatan yang baik. Alhamdulillah dewasa ini, masyarakat kita juga sudah semakin peka akan kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dalam usaha menjaga kesihatan diri.

Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

Mu'min yang kuat itu adalah lebih baik dan lebih disukai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dari mu'min yang lemah (tidak bertenaga).

Sesungguhnya, mencegah penyakit adalah lebih utama daripada mengubati. Justeru itu, Islam mengambil berat tentang keseimbangan gaya hidup yang sihat kerana ia menyumbang kepada lahirnya umat Islam yang kuat fizikal dan mental untuk mempertahankan ugama, bangsa dan negara daripada ancaman musuh. Gaya hidup sihat dapat dipupuk dengan menjaga permakanan, mengamalkan sukan atau senaman, menjalani pemeriksaan kesihatan dan rehat yang mencukupi.

Dengan kesihatan yang baik, maka akan terhasillah kesejahteraan hidup yang berkualiti dan kesempurnaan melaksanakan ibadah. Sekaligus membawa impak positif dalam hidup kita, keluarga dan masyarakat.

Oleh yang demikian, marilah kita mengambil peluang ini untuk lebih menghargai kehidupan dan keluarga kita dengan memelihara dan menjaga kesihatan. Semoga dengan cara ini akan menyemarakkan lagi suasana gaya hidup sihat dalam kalangan kita seterusnya melahirkan masyarakat yang sihat, sejahtera dan bersatu padu. ■

KEPUTUSAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN TAHUN 1446H/2025M

Oleh : Mohamad Zeliha bin Ahad



ANTARA peserta-peserta musabaqah yang terpilih ke Peringkat Akhir Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.

BERAKAS, Khamis, 12
Jamadilawal bersama 14
November – Dua belas orang peserta mara ke Peringkat Akhir Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025 setelah bertanding di Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M yang diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula 11, 12 dan 13 November 2024 lalu.

Seramai 57 orang peserta, iaitu 46 Qari dan 11 Qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing di Musabaqah tersebut.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah berkenaan diadakan petang tadi bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh oleh kumpulan tausyeh Beliawanis Masjid dan persembahan membaca al-Qur'an oleh wakil peserta yang terpilih ke peringkat akhir. Penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para peserta dan hakim musabaqah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diadakan secara berperingkat-peringkat, iaitu melalui peringkat saringan kebangsaan. Ianya

merupakan laluan permulaan dan medan untuk para qari dan qariah negara melangkah ke peringkat akhir kebangsaan yang diadakan kemudian.

Penganjuran Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan dihasrat agar dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara dalam meningkatkan mutu pembacaan al-Qur'an mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat untuk berjinak-jinak dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur. ■



PERSEMBAHAN membaca al-Qur'an oleh wakil peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

HARI APRESIASI KHEU SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan cenderamata kepada antara mantan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara.

futsal Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah Menjuarai Kejohanan Futsal Antara Kementerian-Kementerian Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2024 bagi Kategori Terbuka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan saiyidul istighfar dan surah al-Fatihah. Diikuti ucapan alu-aluan dan penghargaan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya, tetamu kehormat majlis berkesudian menyempurnakan penyampaian sijil bersara kepada mantan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diraikan, dan sijil penghargaan kepada para penerima Anugerah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31. ■

GADONG, Rabu, 25 Jamadilawal bersamaan 27 November – Sebagai tanda penghargaan ke atas perkhidmatan dan jasa baik yang telah dicurahkan oleh para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan Majlis Hari Apresiasi Kementerian Hal Ehwal Ugama sempena Hari Perkhidmatan Awam Tahun 2024. Majlis diadakan di Songket Ballroom, Tingkat 4, The Rizqun International Hotel, Gadong.

Seramai 104 orang pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2023 diraikan pada majlis tersebut atas sumbangan jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut diraikan pada majlis tersebut ialah para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menerima anugerah-anugerah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam, iaitu Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 Tahun 2024;



Juga diraikan dan diberi penghargaan ialah peserta Bengkel Penyediaan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029; pasukan

PELANCARAN eZAKAT HARTA WANG SIMPANAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Jamadilawal bersamaan 21 November – Platform eZakat Harta Wang Simpanan adalah sebahagian dari inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama berganding bahu bersama Datastream Digital Sendirian Berhad (DST) dalam meningkatkan kesedaran e-perkhidmatan kepada orang ramai dalam mencapai strategik Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Perkhidmatan eZakat terbuka kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam dan tiada pendaftaran diperlukan. Pengguna hanya perlu mengisi segala maklumat yang diperlukan di dalam perkhidmatan eZakat melalui laman sesawang ezakat.dst.com.bn.

Pembayaran zakat melalui eZakat boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja menggunakan Easi, Mobi atau kad debit. Adalah perlu bagi pembayar Zakat memastikan

mempunyai baki yang mencukupi bagi penggunaan kad debit, Easi dan Mobi.

Sehubungan dengan itu, satu majlis Pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan telah diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berkesudian menyempurnakan pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Majlis Pelancaran eZakat Harta Wang Simpanan telah diisikan dengan tayangan video mengenai Tatacara Pembayaran Menggunakan eZakat

dan video mengenai kewajipan menunaikan pembayaran zakat dan fadhilat-fadhilat membayar zakat. Majlis disudahi dengan lawatan ke ruang pameran bagi menyaksikan pameran Platform eZakat oleh DST dan Klinik Zakat oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan sebuah pertubuhan yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.

Mengikut data kutipan zakat bermula Januari hingga Ogos Tahun 2024 ini, sejumlah \$19,646,467.79 telah berjaya dikutip dari zakat harta termasuk zakat perniagaan dan wang simpanan. Hasil kutipan zakat akan diagih-agihkan kepada asnaf zakat yang berhak di negara ini yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin, muallaf, amil, al-gharimin dan ibnu sabil melalui skim-skim agihan yang ada.

Dengan pelancaran ini, adalah diharapkan ianya akan lebih memudahkan umat Islam di negara ini yang memenuhi syarat dalam menunaikan kewajipan mereka berzakat secara dalam talian, di samping perkhidmatan kutipan zakat yang sedia ada melalui kaunter-kaunter kutipan zakat dan institusi amil yang dilantik di negara ini. ■

KUIZ HIJRAH MUALLAF 1446H BERSEMPENA JUBLI DELIMA PUSAT DA'WAH ISLAMIAH 1406H-1446H

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Hijrah Muallaf 1446 Peringkat Akhir Sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah 1406H-1446H.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Jamadilawal 1446 bersamaan 23 November 2024 – Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei dan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) mengadakan pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf 1446 Peringkat Akhir bertempat di Dewan Di Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan doa selamat oleh Yang Mulia Awang

Muhammad Abdul Haziq bin Hanafi, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Diikuti ucapan aluan oleh Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku pengerusi bersama majlis.

Dua kumpulan iaitu Kumpulan Sadiya dan Kumpulan Fathiya telah bertanding untuk menentukan johan dan naib johan Pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf 1446 Peringkat Akhir.

Johan pertandingan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,500.00 berserta piala dan sijil penyertaan, Manakala naib johan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,200.00 berserta piala dan sijil penyertaan, dan tempat ketiga menerima hadiah wang tunai sebanyak \$900.00 berserta piala dan sijil penyertaan.

Sementara lima lagi kumpulan menerima hadiah saguhati, piala

dan sijil penyertaan. Piala dan sijil adalah sumbangan dari Pusat Da'wah Islamiah manakala wang tunai, sumbangan dari Bank Islam Brunei Darussalam. Kuiz Hijrah Muallaf diadakan bertujuan untuk menyemarakkan hari-hari kebesaran Islam, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang agama Islam, mengukuhkan penghayatan beragama dalam kalangan muallaf khususnya dan kepada masyarakat amnya, serta meningkatkan kemahiran penggunaan digital dan celik teknologi informasi (I.T) dalam kalangan para peserta muallaf. Lapan kumpulan telah bertanding di peringkat saringan pada 21 dan 22 November 2024 iaitu Kumpulan Ahlam, Kumpulan Qaisarah, Kumpulan Mumtazah, Kumpulan Sadiya, Kumpulan Qaisar, Kumpulan Mujtahid, Kumpulan Fathiya dan Kumpulan Rafiqul 'ala. ■

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) KALI KE-48 BAGI MABIMS TAHUN 1446H/2024M

Oleh : Dahlan Chuchu



MESYUARAT Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 Bagi MABIMS Tahun 1446H/2024M yang dipengerusi oleh Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Ketua Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Negara Brunei Darussalam.

JERUDONG, Selasa, 3 Jamadilawal bersamaan 5 November – Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 Bagi MABIMS Tahun 1446H/2024M yang diadakan selama dua hari, iaitu pada Selasa dan Rabu, 03 dan 4 Jamadilawal 1446 bersamaan 5 dan 6 November 2024 yang membawa tema "Memelihara Akal Dalam Maqashid Syariah: Bagaimana Belia Islam Dapat Membantu?"

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-48 bagi MABIMS ini diadakan di Indera Samudra, The Empire Brunei. Mempengerusikan mesyuarat ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Ketua Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Yang Terhormat Prof. Dr. Muhammad Ali Ramdhani, Sekretaris Jenderal, Kementerian Agama Republik Indonesia selaku Ketua SOM

Republik Indonesia; Yang Berusaha Dr. Mohamad Kori bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku Wakil Ketua SOM Negara Malaysia dan ketua delegasi berserta delegasi dari Negara Malaysia; dan Yang Berbahagia Tuan Kadir Maideen, Ketua Eksekutif, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) selaku Ketua SOM Republik Singapura berserta delegasi dari Republik Singapura.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan sambutan daripada Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah, diikuti dengan Ketua Delegasi Republik Indonesia, Negara Malaysia dan kemudiannya Ketua Delegasi Republik Singapura.

Dalam ucapan sambutan Ketua Mesyuarat SOM Negara Brunei Darussalam, antara lain menekankan pentingnya penggunaan *Artificial Intelligence* (A.I) dalam konteks perkhidmatan ugama. Beliau menyatakan bahawa teknologi ini dapat menjadi satu pendekatan yang inovatif untuk memperkasakan

perkhidmatan ugama, dengan meningkatkan penglibatan dan jangkauan orang awam.

Menurutnya lagi, penggunaan A.I boleh membantu dalam pelbagai aspek termasuk memperkukuh sistem zakat dan wakaf, pendidikan ugama, serta pemeraksanaan belia. Dengan semangat ini, adalah diharapkan agar wacana MABIMS dapat membuka ruang untuk perbincangan lanjut mengenai cara-cara untuk mengintegrasikan teknologi dalam memperbaiki perkhidmatan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Sejurus itu, Pengesahan Agenda Mesyuarat SOM Kali Ke-48 Bagi MABIMS dan Pembentangan Resolusi Seminar Kertas Tema SOM Kali Ke-48 yang diadakan pada sebelah pagi bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala, mesyuarat sebelah petang membincangkan Laporan Pelaksanaan Fokus Strategik di bawah Rancangan Strategik MABIMS 2026–2030. Negara penyelaras telah membentangkan Fokus Strategik berikut: "Potensi Belia" oleh Negara Brunei Darussalam; "Pendidikan dan Penghayatan Beragama" oleh Republik Indonesia; "Kesejahteraan Sosial" oleh Negara Malaysia; dan "Keharmonian Serantau" oleh Republik Singapura.

Mesyuarat SOM Kali Ke-48 diharap dapat menghasilkan kerjasama yang lebih erat antara negara-negara anggota MABIMS, memperkukuh hubungan serta mencipta inisiatif yang memberi impak positif kepada masyarakat di rantau MABIMS. ■

PROGRAM BICARA MUALLAF

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



YANG Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar (TENGAH), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat di majlis Program Bicara Muallaf.

PULAIE, Ahad, 1 Jamadilawal 3 November 2024 - Belia Muallaf As-Syahadah, di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Program Bicara Muallaf. Majlis diadakan bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Bicara Muallaf adalah salah satu program dari Program Ikon Muallaf yang mendedahkan para peserta Ikon Muallaf kepada tokoh-tokoh muallaf dalam dan luar negeri melalui sesi ceramah dan perkongsian. Seterusnya, untuk melahirkan muallaf yang cemerlang dalam semua aspek modal insan berlandaskan kepada Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan menjadi duta dan pemangkin dalam menarik lebih ramai muallaf untuk terlibat aktif dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Turut hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.



ANTARA tiga panel yang turut menyampaikan hujah dalam sesi forum di dalam Program Bicara Muallaf.

Pengisian program tersebut adalah berbentuk Forum Bicara Muallaf dengan tajuk "Dari Muallaf Ke Muallaf". Terdiri daripada tiga orang panel, di antaranya adalah panel jemputan dari luar negeri iaitu Yang Berbahagia Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Naib Canselor, Universiti Islam Selangor, Malaysia. Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut, Presiden WeCare Brunei dan Muhammad Adam bin Abdullah Chong @ Chong Kai Lung, Pengarah Kreatif Matters of Choice.

Di antara objektif program ini diadakan untuk menyuntik semangat, motivasi dan inspirasi untuk menyebarkan kebaikan khususnya pada orang bukan Islam, mengetahui dengan lebih mendalam akan cabaran menjadi seorang muallaf, mempelajari cara dan kaedah dalam menyantuni keluarga yang belum Islam; dan menampilkan belia muallaf tempatan yang bergiat aktif dalam masyarakat. ■

KONVOKESYEN IKON MUALLAF 1446H / 2024M

Oleh : Azizah Hidup



YANG Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann (LIMA DARI KIRI) hadir selaku tetamu kehormat majlis Konvokesyen Ikon Muallaf 1446H / 2024M.

PULAIE, Sabtu, 15 Jamadilawal bersamaan 16 November - Belia Muallaf As-Syahadah di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Konvokesyen Ikon Muallaf 1446H/2024M bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann yang juga Ketua Kampung Bukit Sawat Zon 1, Daerah Belait.

Pengisian atur cara majlis termasuk Penyampaian Anugerah-anugerah Ikon Muallaf mengikut kategori iaitu Anugerah Peserta Terbaik Lelaki, Anugerah Peserta Terbaik Perempuan, Anugerah Kumpulan Terbaik dan Anugerah Ikon Muallaf 1446H/2024M.

Majlis Konvokesyen Ikon Muallaf 1446H/2024M diadakan sebagai pengiktirafan dan penghormatan atas usaha dan pencapaian peserta-peserta Ikon Muallaf dalam mengikuti aktiviti, kursus dan pengendalian projek kemasyarakatan. Di samping untuk meraikan para peserta Ikon Muallaf, ianya untuk mengeratkan

hubungan silaturrahim antara peserta-peserta Ikon Muallaf dan keluarga mereka dengan ahli jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah. Majlis juga untuk menghargai tenaga pengajar, penceramah, pemudahcara dan penaja yang terlibat sama dalam menjayakan Ikon Muallaf tersebut. ■



ANTARA para peserta Ikon Muallaf yang diraikan dalam majlis konvokesyen tersebut.

MUNAJAT KHAS SEMPENA HARI MEMPERINGATI MANGSA-MANGSA LALULINTAS JALAN RAYA SEDUNIA 2024

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



ACARA Munajat disertai bersama oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dari Surau Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Jamadilawal bersamaan 16 November - Munajat Khas Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-160 dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi kelolaan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalulintas Jalan Raya Sedunia 2024 diadakan di Masjid Ash Shaliheen.

Acara Munajat disertai bersama oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dari Surau Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dari Masjid Ash Shaliheen yang juga memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah.

Turut menyertai, Setiausaha Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, serta

warga kerja di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan juga Ahli-ahli Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya. Menyemarakkan lagi, guru-guru dan para pelajar dari sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta individu yang turut serta secara maya.

Selepas bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat, Nazir Khas, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Surau Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Manakala Doa Munajat Khas dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya tazkirah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Amirul Rashid bin Haji Wahab, Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata bersama Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei III, Guru-guru dan Murid-murid Sekolah Ugama Beribi dari Dewan Fathul Busyra Sekolah Ugama Beribi.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Izzat Izuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash Shaliheen, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Masjid Ash-Shaliheen.



Majlis Pengislaman NOVEMBER 2024




...يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ وَيُضِرُّ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ
وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Mafhumnya:

...Allah mengurniakan hidayat kepada cahaya-Nya (Islam) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah membuat perumpamaan itu untuk manusia (supaya mereka mengambil pengajaran daripadanya dan beriman). Dan Allah Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu.

An-Nuur ayat 35



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK ISLAM IRAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama rombongan daripada Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Isnin, 16 Jamadilawal bersamaan 18 November – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan hormat berlangsung di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Hadir di majlis kunjungan hormat tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta Yang Mulia

Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS.

Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024. ■